

655:

RAZAK-KABINET 2 KUALA LUMPUR 2'2'2'

OLEH REJAL ARBEE

KUALA LUMPUR, 5 SEPT (BERNAMA) -- KETUA MENTERI SABAH, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, DR. MAHATHIR MOHAMED DAN DATO MUSA HITAM TELAH DILANTIK MENGANGGOTAI KABINET KERAJAAN PERSEKUTUAN SERAMAI 22 ORANG YANG DIUMUMKAN HARI INI.

PENYERTAAN TUN DATU MUSTAPHA DENGAN JAWATAN MENTERI PERTAHANAN YANG DIUMUMKAN OLEH TUN ABDUL RAZAK DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI SINI PETANG INI ADALAH MEMERANJATKAN.

DENGAN PERLANTIKAN ITU, TUN DATU MUSTAPHA AKAN MELETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI KETUA MENTERI SABAH.

TUN RAZAK BERKATA, TUN DATU MUSTAPHA AKAN MEMEGANG JAWATAN BARU ITU SEBAIK SAJA IA SELESAI MENGURUSKAN URUSANNYA DI SABAH. ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA TUN DATU MUSTAPHA AKAN MEMEGANG JAWATAN ITU DALAM TEMPOH ENAM BULAN LAGI. -- BERSAMBUNG 1934/A1

659:

RAZAK-KABINET 2 KUALA LUMPUR 2'2'2'

DR. MAHATHIR, BEKAS SENATOR DAN AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO TELAH DILANTIK MENJADI MENTERI PELAJARAN YANG BARU MENGGANTIKAN HAJI MOHAMED YACOB YANG DIBERI KEMENTERIAN BARU.

DATO MUSA HITAM ADALAH SATU-SATUNYA TIMBALAN MENTERI YANG DILANTIK MENJADI ANGGOTA KABINET. BELIAU ADALAH BEKAS TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN. JAWATANNYA YANG BARU IALAH MENTERI PERUSAHAAN UTAMA.

KESEMUA BEKAS ANGGOTA KABINET YANG LALU TELAH DILANTIK SEMULA KECUALI LIMA ORANG YANG TIDAK BERTANDING SEMULA DALAM PILEHANRAYA BARU LALU.

MEREKA IALAH TUN TAN SIEW SIN, TUN V.T. SANBANTHAN, TAN SRI SARDON JUBIR, TAN SRI TEMENGGUNG JUGAH DAN TAN SRI HAJI GHAZALI JAWI. -- BERSAMBUNG 1945/A1

ULANGAN YANG DIBETULKAN

665:

RAZAK-KABINET 3 KUALA LUMPUR 2'2'2'

TUN RAZAK BERKATA, IA TELAH MEMBERI +DARAH BARU+ DALAM SUSUNAN KABINETNYA YANG TERMASUK 16 ORANG TIMBALAN MENTERI - 12 DARIPADANYA MUKA BARU - DAN SEMBILAN SETIAUSAHA PARLIMEN - TUJUH DARIPADANYA MUKA BARU.

BELIAU MENSIFATKAN TIMBALAN-TIMBALA MENTERI SEBAGAI +BARISAN KEDUA+ PUCUK PIMPINAN YANG AKAN MENGAMBIL ALIH PIMPINAN NEGARA DIMASA AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, +KABINET BERTINDAK+ YANG DIBENTUKNYA ITU AKAN MENITEKBERATKAN PEMBANGUNAN DENGAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPAD PERUMAHAN, PERTANIAN DAN PELAJARAN.

KERAJAAN JUGA AKAN MENITEK-BERATKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR DAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU.

TUN RAZAK MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAANNYA YANG MENDAPAT SOKONGAN BULAT DARI RAKYAT AKAN MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEBAIK-BAIKNYA BAGI MEMENOHI KEHENDAK RAKYAT DAN MENUNAIKAN JANJI-JANJI SEBAGAIMANA YANG TERKANDUNG DALAM MENIFESTO PILEHANRAYA.

+KAMI MERASA TERHORMAT DAN BANGGA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA NEGARA DAN BERBESAR HATI DENGAN MANDAT YANG SEBAGITU BESAR DIBERIKAN OLEH RAKYAT DALAM PILEHANRAYA, + KATANYA. -- BERSAMBUNG 2133/A1

667:

RAZAK-KABINET 4 KUALA LUMPUR ㄹ'ㄹ'ㄹ'

TUN RAZAK BERJANJI BAHAWA KERAJAANNYA AKAN BERUSAHA MELETAKKAN NEGARA INI KETINGKATAN PALING TINGGI DALAM BIDANG KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN DIKALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA.

KATANYA, KERAJAAN BARUNYA ADALAH DIWAKILI OLEH SEMUA PARTI DALAM BARIAN NASIONAL KEQUALI PPR YANG HANYA MEMENANGI SATU KERUSI DAN SEMUA NEGERI KEQUALI PERLIS.

KABINET BARU TUN ABDUL RAZAK ITU HANYA MEMPUNYAI 22 MENTERI BERBANDING DENGAN 24 MENTERI DALAM KABINET YANG LALU. TERDAPAT JUGA BEBERAPA PENYUSUNAN KECIL DAN PENYATUAN BEBERAPA KEMENTERIAN YANG LALU.

DUA BUAH KEMENTERIAN TELAH DIBUBARKAN IAITU KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN KEMENTERIAN HAL EHWAL SARAWAK. KEDUA-DUA BEKAS MENTERI YANG MENGETUAI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN TERSEDUT TIDAK BERTANDING SEMULA.

PERPADUAN NEGARA SEKARANG AKAN DITADBIRKAN OLEH LEMBAGA PERPADUAN NEGARA YANG DILETAKAN DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI.
— BERSAMBUNG 2022/A1

668:

RAZAK-KABINET 5 KUALA LUMPUR ㄹ'ㄹ'ㄹ'

TUN RAZAK BERKATA BELIAU AKAN TERUS MEMEGANG KEMENTERIAN LUAR. BELIAU AKAN MEMPUNYAI DUA ORANG TIMBALAN MENTERI, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN, BEKAS MENTERI BESAR PERAK DAN DATUK ABDULLAH AHMAD, BEKAS SETIAUSAMA POLITIKNYA.

DATO HUSSEIN ONN DISAMPING TERUS MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI DITAMBAH TANGGONGJAWABNYA SEBAGAI MENTERI KEWANGAN DAN JUGA PORTFOLIO BARU PENYELARASAN PERBADANAN-PERBADANAN AWAM. BELIAU MELUCUTKAN PORTFOLIO LAMANYA, PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

DATO HUSSEIN AKAN DIBANTU OLEH TAN SRI CHONG HON YAN SEBAGAI TIMBALAN MENTERI KEWANGAN YANG BARU DAN DATO MOHAMAD RAHMAT SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PENYELARASAN PERBADANAN-PERBADANAN AWAM YANG AKAN MENYELARASKAN SEMUA AJENSI PEMBANGUNAN TERMASUK MARA, UDA DAN PERNAS.

TUN DATU MUSTAPHA AKAN MENGAMBIL ALIH KEMENTERIAN PERTAHANAN DALAM MASA ENAM BULAN, SEMENTARA ITU TUN RAZAK SENDIRI MEMIKUL TANGGONGJAWAB KEMENTERIAN ITU.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN DAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN EKONOMI DESA TELAH DICANTUMKAN MENJADI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUARBANDAR DAN DISANDANG OLEH ENCIK ABDUL GHAFAR BABA.

ENCIK GHAFAR AKAN DIBANTU OLEH DATO MUSTAPHA JABAR SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN ENCIK MOKHTAR HASHIM, SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN LUARBANDAR.

BEKAS MENTERI TEKNOLOJI, PENYELIDEKAN DAN PENYELARASAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU, DATO LEE SAN CHOON DIBERIKAN KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT. -- BERSAMBUNG 2052/A1

669:

RAZAK-KABINET 6 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

BELIAU AKAN DIBANTU OLEH TIMBALAN PRESIDEN PAS, HAJI HASSAN ADLI YANG DILANTIK MENJADI TIMBALAN MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT.

JABATAN-JABATAN TEKNOLOJI DAN PENYELIDEKAN DIMASUKAN KE DALAM KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOJI DAN PENYELIDEKAN YANG DIPEGANG OLEH BEKAS MENTERI PELAJARAN, HAJI MOHAMED YAACOB.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU DICANTUMKAN DENGAN PERUMAHAN SEBAGAI KEMENTERIAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU DAN PERUMAHAN YANG DIPEGANG OLEH ENCIK MICHAEL CHEN.

TAN SRI MANICKAVASAGAM TELAH DIBERIKAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN YANG SEKARANG INI TIDAK TERMASUK JABATAN PENGANGKUTAN JALAN. BELIAU DIBANTU OLEH DATUK WAN KADIR ISMAIL SEBAGAI TIMBALAN MENTERINYA.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN DIMASUKKAN KEDALAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN KERJARAYA YANG DISANDANG OLEH DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG. BELIAU AKAN DIBANTU OLEH ENCIK RICHARD HO SEBAGAI TIMBALAN MENTERI.

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN TELAH DIPERLUASKAN TERMASUK GALIAN DAN KEHUTANAN DENGAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS, DATUK HAJI ASRI MENYANDANGNYA DISAMPING MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS. — BERSAMBUNG 2107/A1

X

672

RAZAK-KABINET 7 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

BEKAS MENTERI TANAH DAN HASIL BUMI SARAWAK, DR. SULAIMAN DAUD DILANTIK MENJADI TIMBALAN MENTERI TANAH GALIAN, MEMBANTU DATUK ASRI.

BEKAS MENTERI PERTAHANAN, DATUK HAMZAH ABU SAMAH MENGAMBIL ALIH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DARI DATO HUSSEIN ONN.

DATO ONG KEE HUI, SEKARANG MENJADI MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN ALAM SEKITAR.

BEKAS MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK TAIB MAHMUD DIBERI KEMENTERIAN BARU-PERANCANGAN AM DAN PENYELIDEKAN SOSIO-EKONOMI YANG MENGGABUNGAN BERBAGAI PERKARA YANG DULUNYA DIBAWAH YUNIT PERANCANGAN AM DI JABATAN PERDANA MENTERI.

ENAM ORANG MENTERI TERUS MEMEGANG JAWATAN LAMA. MEREKA IALAH: TAN SRI GHAZALI SHAFIE - DALAM NEGERI, DIBANTU OLEH DATUK SAMAD IDRIS SEBAGAI TIMBALAN; TAN SRI LEE SIOK YEW, KESIHATAN DENGAN HAJI ABU BAKAR UMAR SEBAGAI TIMBALAN MENTERI; TAN SRI KADIR YUSOF TERUS MENJADI PEGUAM NEGARA DALAM KEMENTERIAN BARU - UNDANG-UNDANG DAN PEGUAM NEGARA DENGAN DIBANTU OLEH DATUK ATHI NAHAPPAN SEBAGAI TIMBALAN MENTERI UNDANG-UNDANG.

PUAN HAJJAH AISHAH GHANI, KEBAJIKAN AM; DATO ALI HAJI AHMAD, KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN; DAN TENGKU AHMAD RITHAUDEEN, PENERANGAN DAN TUGAS KHAS DENGAN ENCIK SHARIFF AHMAD SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PENERANGAN. — BERSAMBUNG 2122/YF

673:

RAZAK-KABINET 8 KUALA LUMPUR ๙'๙'๙'

TUN RAZAK JUGA MENGUMUMKAN PERLANTIKAN BENDAHARI GERAKAN, ENCIK PAUL LEONG, AHLI PARLIMEN TAIPING SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA YANG BARU DAN SETIAUSAHA AGUNG MCA, ENCIK CHAN SIANG SUN SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PELAJARAN.

LAPAN ORANG AHLI PARLIMEN DAN SEORANG SENATOR DILANTIK MENJADI SETIAUSAHA PARLIMEN.

SETIAUSAHA PARLIMEN YANG LAMA TIALAH HAJI RAMLI OMAR, AHLI PARLIMEN BAGAN SERAI DAN SENATOR DARI SARAWAK, ENCIK LAW HIENG DING.

TUJUH SETIAUSAHA PARLIMEN BARU TIALAH ENCIK ABDULLAH MAJID, AHLI PARLIMEN RAUB DAN BEKAS SETIAUSAHA AKHBAR PERDANA MENTERI, ENCIK MUSTAPHA ALI, BEKAS GURUBESAR DAN AHLI PARLIMEN PAS KUALA TRENGGANU, DR. GOH CHENG TEIK, BEKAS PENSYARAH DI UNIVERSITI MALAYA DAN AHLI PARLIMEN GERAKAN NIBONG TEBAL; DR. NEO YEE PAN, AHLI PARLIMEN MCA MUAR; ENCIK S. SUBRAMANIAM, SETIAUSAHA AGUNG MIC DAN AHLI PARLIMEN DAMANSARA; ENCIK ALI SHARIFF, AHLI PARLIMEN KUANTAN DAN BEKAS SETIAUSAHA POLITIK KEPADA MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN DAN ENCIK RAIS YATIM, AHLI PARLIMEN JELEBU.

SETAKAT INI HANYA TIGA ORANG DITUGASKAN KE BERBAGAI KEMENTERIAN - HAJI RAMLI (PERHUBUNGAN), ENCIK ABDULLAH MAJID (JABATAN PERDANA MENTERI), DAN ENCIK SUBRAMANIAM (BURUH DAN TENAGA RAKYAT). 15

MENJAWAB PERTANYAAN, TUN RAZAK BERKATA TIDAK ADA PERUBAHAN KEPADA DASAR LUAR DAN TIDAK ADA JUGA INIATIF BARU. KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PELAKSANAAN KONSEP PERKECUALIAN ASIA TENGGARA.

TUN RAZAK JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA DUTA MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT, ENCIK MOHAMED KHIR JOHARI TERUS MEMEGANG JAWATANNYA DENGAN BERPANGKAT MENTERI SEMENTARA BEKAS TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, HAJI YUSOFF ABDULLAH AKAN DILANTIK MENJADI SEORANG DUTA TIDAK LAMA LAGI BERPANGKAT TIMBALAN MENTERI. --
BERNAMA 2148/A1